

21.5.2023

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG

### **PERTAHANKAN PARAS EMPANGAN PULAU PINANG: SILA KURANGKAN PENGGUNAAN DOMESTIK SEBANYAK 20% SEGERA**

- **Pengurangan 20% dalam penggunaan domestik di seluruh Pulau Pinang akan “menjimatkan 106.8 juta liter air sehari (JLH)”.**
- **Semua rakyat Pulau Pinang harus menyertai misi ini untuk memastikan keselamatan bekalan air sehingga musim hujan tiba pada September 2023.**

PULAU PINANG, Ahad, 21.5.2023: Pengguna domestik Pulau Pinang harus menyertai usaha mempertahankan paras empangan mereka dengan mengurangkan penggunaan air domestik sebanyak 20% setiap hari.

Menurut data penggunaan air PBAPP untuk 2022, pengurangan 20% dalam penggunaan domestik akan menghasilkan penjimatan air sebanyak 106.8 juta liter sehari (JLH).

Penjimatan air sebanyak 106.8 JLH akan membantu memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang sehingga hujan lebat yang dijangkakan pada September 2023.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membuat rayuan penting ini kepada pengguna air domestik kerana:

- Kapasiti efektif Empangan Air Itam adalah 41.5% pada hari Jumaat, 19.5.2023. METMalaysia telah menerbitkan data dalam talian yang menunjukkan kemungkinan berlaku fenomena El Niño panas dan kering mulai sekarang hingga Ogos 2023.
- Berdasarkan data PBAPP untuk 2022, rakyat Pulau Pinang menggunakan 307 liter/kapita/hari (LKH) pada 2022, berbanding purata nasional 244 LKH pada 2020 dan statistik Singapura sebanyak 158 LKH pada 2021. Memandangkan paras empangan yang rendah, terdapat “banyak ruang” untuk setiap penduduk Pulau Pinang mengurangkan penggunaan air sekarang.
- Pada tahun 2022, penggunaan domestik menyumbang kira-kira 61.6% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang. Oleh itu, mengurangkan

penggunaan domestik akan menjana impak yang lebih besar terhadap penjimatan air daripada mengurangkan penggunaan oleh semua kilang, hotel, premis perniagaan, sekolah, pejabat kerajaan dan perusahaan komersial lain di Pulau Pinang.

Jadual: Penggunaan Air Pulau Pinang 2022

Jenis Penggunaan	Jumlah pengguna	Juta Liter Sehari (JLH)	% penggunaan air keseluruhan pada 2022
<b>Domestik</b>	<b>585,740</b>	<b>534</b>	<b>61.6%</b>
Bukan Domestik	91,117	334	38.4%
Jumlah	676,857	868	100.0%

### Tiga (3) cara terbaik untuk jimat air di rumah

3 cara paling mudah dan berkesan untuk pengguna domestik menjimatkan air ialah:

- Jangan gunakan hos untuk menyiram tanaman atau taman anda. Gunakan tin penyiram.
- Jangan gunakan hos untuk membersihkan kereta atau motosikal anda. Sebaliknya, gunakan baldi, kain dan span; dan bersihkan kenderaan anda hanya apabila ia benar-benar perlu.
- Jangan biarkan pili air mengalir. Buka pili hanya apabila anda perlu membilas tangan, makanan, pinggan mangkuk, kutleri, pakaian dan barangan lain. Tutup pili segera selepas itu dan ajar anak anda menutup pili dengan betul.

Untuk lebih banyak tip-tip penjimatan air, sila layari laman web PBAPP di:  
[www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

### Sangat penting untuk menjimatkan air sekarang

Beberapa kawasan di bahagian Pulau, seperti Air Itam, berada dalam bahaya kehabisan air pada tahun 2023. Bantu kami untuk memastikan rizab empangan Pulau Pinang kita boleh "bertahan" sehingga September 2023.

Terdapat 2 sebab utama di sebalik paras empangan kita yang rendah:

- Sebab pertama ialah hujan rendah di kawasan tadahan air empangan sejak 1.1.2023, akibat perubahan iklim. Kami telah cuba melaksanakan pembersihan awan sejak Mei 2023 tetapi paras empangan terus menyusut.

- Sebab kedua ialah penggunaan air yang tinggi. Pada 2022, Pulau Pinang mencatatkan rekod baharu penggunaan air pada 868 JLH. Untuk 3 bulan pertama 2023, PBAPP merekodkan angka penggunaan purata yang lebih tinggi iaitu 876 JLH.

Mengenai cuaca panas dan kering, tidak banyak yang boleh kita lakukan. Bagaimanapun, kita boleh bekerjasama untuk mengurangkan penggunaan air domestik di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan PBAPP untuk “mempertahankan” rizab air mentah Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang dalam apa cara sekalipun untuk 2023 ini.

Bagi memenuhi misi ini, PBAPP telah melaksanakan langkah kontingensi kejuruteraan bekalan air di Air Itam. “Langkah-langkah yang lebih tegas” mungkin diperlukan pada hari-hari akan datang.

Sekiranya paras empangan mencecah paras rendah yang telah ditetapkan, PBAPP akan memaklumkan kepada rakyat Pulau Pinang (melalui pengumuman awam di media massa, elektronik dan sosial) tentang “langkah lebih tegas” terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, jika pengguna domestik Pulau Pinang dapat mengurangkan penggunaan air domestik sebanyak 20%, PBAPP mungkin mengelak, menangguhkan atau melewatkan pelaksanaan langkah kejuruteraan bekalan air yang sukar.

Pulau Pinang bukanlah satu-satunya negeri di Malaysia yang menghadapi potensi krisis air pada tahun 2023. Namun begitu, kita masih perlu memastikan bahawa kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang tidak mencapai “titik sifar” sebelum hujan. tiba.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)